

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 10/1975**

=====

PEMBEKUAN PERMOHONAN TANAH

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor di dalam persidangannya pada 23/6/1975 telah meluluskan seperti berikut:-

- a) Pembekuan pengeluaran Tanah Desa terus dijalankan;
- b) Pindaan Warta Kerajaan 458 bertarikh 4/9/1960 dibuat dengan membolehkan Pengeluaran Tanah Saku (Poket Alienation);
- c) Pemohon-pemohon bagi tanah desa yang telah didaftarkan dan belum dipertimbangkan ditolak (summarily rejected).

2. Pindaan kepada Warta Kerajaan 458 telah dibuat mengikut Warta Kerajaan Negeri Selangor 406 bertarikh 23 Oktober 1975.

3. Mengikut perenggan 1 diatas, permohonan tanah perseorangan boleh diterima untuk dipertimbangkan dengan syarat tanah yang dipohon itu adalah tanah saku atau terpulau yang tidak terlibat dengan projek rancangan Kerajaan dan tidak bertindih dengan permohonan lama. Permohonan itu hendaklah didaftarkan di dalam Buku Permohonan Tanah mengikut peraturan tanah. Permohonan tanah yang bukan terpulau tidak boleh didaftar langsung dan hendaklah ditolak 'summarily'.

4. 'Tanah saku atau terpulau' adalah ditaarifkan sebagai tanah yang dikelilingi atau bersempadanan dengan sebarang tanah milik dan / atau tanah simpanan dan letaknya di luar kawasan Bandar atau Pekan.

5. Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan bahawa permohonan-permohonan yang telah didaftarkan di atas tanah-tanah yang bukan terpulau hendaklah ditolak 'Summarily' oleh Pemungut dan permohonan tanah perseorangan untuk tujuan pertanian tidak boleh didaftarkan melainkan di atas tanah terpulau sahaja.

T.T
(HAJI SULAIMAN B HAJI MOHD DON)
PEJABAT TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
SELANGOR, JALAN RAJA,
KUALA LUMPUR
6HB NOVEMBER 1975